



SEPERTI manusia, haiwan juga berhak untuk menikmati kehidupan lebih baik dan menerima layanan sewajarnya. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

Jangan abai kebajikan haiwan

SAUDARA PENGARANG,

KEBAJIKAN haiwan adalah satu konsep yang agak asing bagi kebanyakan penduduk negara ini.

Jika dibandingkan dengan rakyat di negara maju, mereka jauh ke hadapan dalam memperjuangkan hak-hak asasi haiwan dan kebajikan binatang berkenaan yang rata-rata penduduk Malaysia tidak pasti apakah yang dimaksudkan dengan istilah itu.

Kebajikan haiwan merujuk kepada lima aspek kebebasan asas yang harus dinikmati iaitu bebas daripada kecederaan dan penyakit serta lapar dan dahaga.

Tiga lagi aspek adalah bebas daripada ketidakselesaan, ketakutan dan kesusahan serta tidak disekat untuk mempamerkan kelakuan normal atau tingkah laku lazim.

Seperti manusia, haiwan juga berhak menikmati kehidupan lebih baik dan menerima layanan sewajarnya daripada kita.

Amat menyedihkan apabila terdapat kes haiwan yang didera secara fizikal dan psikologi oleh penduduk Malaysia.

Walaupun pelbagai kempen telah dilaksanakan untuk memupuk kesedaran awam tentang kepentingan memelihara kebajikan haiwan namun hasilnya tidak memberangsangkan.

Sehubungan itu, saya menyambut baik langkah kerajaan mewartakan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang mengenakan hukuman lebih berat terhadap manusia yang mendera haiwan.

Akta itu juga amat menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek penjagaan dan perlindungan haiwan serta penalti ke atas pemelihara, penternak serta pendera haiwan jika disabitkan kesalahan.

Menariknya, akta itu bukan sahaja melindungi kebajikan haiwan ternakan malah turut meliputi binatang yang dijadikan bahan uji kaji di dalam makmal.

Diharapkan dengan penguatkuasaan akta berkenaan, jumlah kes penganiayaan terhadap haiwan di Malaysia akan berkurangan.

**DR. WAN MASTURA SHAIK
MOHAMED MOSSADEQ**
Fakulti Perubatan Veterinar,
Universiti Putra Malaysia (UPM)